SIARAN MEDIA

FIESTA PERHUTANAN DAN KOMUNITI 2026
PERKASA KOMUNITI, SEMARAKKAN KESEDARAN KELESTARIAN HUTAN

Kuantan, Pahang | 31 Oktober 2026 – Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menganjurkan Fiesta Perhutanan dan Komuniti JPSM 2026 pada 30 Oktober hingga 1 November 2026 di *Kuantan City Mall*, Kuantan, Pahang, bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan perhutanan sosial serta memperkukuh penglibatan komuniti dalam pengurusan dan pemeliharaan sumber hutan secara lestari. Majlis perasmian fiesta ini telah diluncurkan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah.

Fiesta ini menjadi platform untuk mengetengahkan pencapaian, aktiviti dan produk komuniti perhutanan sosial, selain memperluas peluang promosi dan pemasaran produk serta perkhidmatan berasaskan hutan. Inisiatif ini turut menggalakkan jaringan kerjasama antara komuniti dengan agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi akademik dan rakan strategik bagi menyokong pembangunan sosioekonomi berasaskan hutan.

Perhutanan sosial merupakan pendekatan pengurusan hutan yang melibatkan penyertaan aktif masyarakat setempat dalam perancangan, pelaksanaan dan pemanfaatan hasil hutan secara lestari. Pendekatan ini bukan sahaja memberi penekanan kepada pemeliharaan alam sekitar, malah membuka peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan melalui pembangunan produk dan perkhidmatan berasaskan sumber hutan secara bertanggungjawab.

Sehubungan itu, fiesta ini turut menampilkan pameran dan jualan produk hutan dengan kerjasama 13 persatuan komuniti dan rakan strategik. Antara produk dan perkhidmatan yang diketengahkan termasuk madu kelulut, kraftangan dan ekopelancongan, selain inisiatif pemeliharaan biodiversiti hutan.

Sebagai usaha mengiktiraf penglibatan komuniti dalam agenda perhutanan sosial, Anugerah Komuniti Aktif Perhutanan Sosial turut diketengahkan bersempena fiesta ini. Anugerah tersebut diharap dapat menyemarakkan semangat komuniti untuk terus aktif dalam inisiatif perhutanan sosial, memperkukuh kerjasama dengan pihak berkepentingan serta meneroka peluang pembangunan sosioekonomi berasaskan sumber hutan secara lestari.

Fiesta ini turut menampilkan pelancaran video “Kisah Hutan” sebagai medium komunikasi dan pendidikan awam untuk mendekatkan masyarakat dengan kepentingan hutan. Penggunaan medium audiovisual ini merupakan salah satu pendekatan oleh JPSM untuk menyampaikan maklumat perhutanan secara lebih menarik serta memupuk kesedaran mengenai tanggungjawab bersama dalam memelihara khazanah hutan negara.

Bagi menarik penyertaan masyarakat, pelbagai aktiviti turut disediakan, antaranya pertandingan mewarna, pertandingan gubahan rimba, pertandingan teka biji benih Meranti Tembaga, demonstrasi kraftangan daripada bahan semula jadi, demonstrasi batik dan terarium, pertandingan karaoke Gema Alam, persembahan buskers serta podcast Sembang Rimbawan. Aktiviti permainan tradisional seperti congkak dan batu seremban turut memeriahkan penganjuran fiesta.

Fiesta Perhutanan dan Komuniti JPSM 2026 mencerminkan komitmen berterusan JPSM dalam memperkukuh hubungan dengan masyarakat, memperkasakan komuniti melalui perhutanan sosial serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemeliharaan hutan.

Turut hadir dalam Majlis Perasmian Fiesta Perhutanan dan Komuniti 2026 adalah Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Yang Berbahagia Dato’ Haji Roslan bin Rani dan Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Yang Hormat Dato’ Dr. Grippin anak Akeng.

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
31 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Tel: 03-2616 4488| Faks: 03-2692 5657